

PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: PENGARAH
Tier	: 4
Pusat Tanggungjawab	: Pusat Pembelajaran Digital, Jabatan Perancangan Strategik Akademik (ASPD)
Portfolio	: Naib Canselor
Elaun Khas Pentadbiran	: RM900.00
Tempoh Pelantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti Malaya
Gred Permohonan	: Gred 12 dan ke atas

2. SKOP TUGAS

MELAPOR KEPADA :

- (1) Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya
- (2) Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- (3) Pengarah Eksekutif, ASPD

Sebagai **Pengarah, Pusat Pembelajaran Digital, ASPD** tuan/puan adalah dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana dinyatakan dalam Subseksyen 12(3) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 termasuklah:

- (1) Membangunkan perancangan (secara menyeluruh seperti sebelum, semasa dan selepas program) berkaitan pembangunan profesionalisme staf akademik dalam bidang inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian seperti merancang keperluan latihan/ klinik/ bengkel/ seminar/ persidangan;
- (2) Mengurus dan memastikan kemudahan sistem/ platform e-pembelajaran Universiti Malaya dioptimumkan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk mengendalikan bengkel/ klinik/ jerayawara, serta mengadakan mesyuarat/ perbincangan bersama ahli penyelarass e-pembelajaran di Universiti Malaya;
- (3) Mengurus aktiviti berkaitan pembangunan kursus MOOC Universiti Malaya dan SIM ODL, seperti mengenalpasti kursus yang boleh ditawarkan, memantau perkembangan pembangunan bahan pembelajaran yang berkualiti dengan kerjasama antaranya daripada pihak lain seperti Pusat Tanggungjawab dan Jabatan Teknologi Maklumat;
- (4) Mengkaji dan menyediakan dokumen-dokumen polisi serta garis panduan e-pembelajaran Universiti Malaya selaras dengan keperluan semasa;

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

- (5) Mengkaji dan meneroka sebarang inovasi terkini berkaitan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (6) Menganalisis data berkaitan e-pembelajaran Universiti Malaya bagi tujuan pelaporan kepada pihak Pengurusan Universiti Malaya atau Agensi/ Kementerian atau mana-mana pihak yang berkepentingan;
- (7) Bertindak sebagai Koordinator/ Fasilitator bersama bagi program EMERALD (Teaching & Learning) dan/ atau EMERALD (Research & Supervision) atau seumpama;
- (8) Bertindak sebagai Pengerusi/ Koordinator/ Ahli Jawatankuasa bagi mana-mana taskforce berkaitan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau seumpama;
- (9) Merancang dan mengurus peruntukan/ dana yang berkaitan untuk pelaksanaan aktiviti e-pembelajaran sepanjang tahun;
- (10) Merancang dan melaksanakan jalinan kerjasama dengan pihak luar bagi tujuan penambahbaikan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau seumpama;
- (11) Melaksanakan perancangan dan memastikan pencapaian KPI ASPD/ Universiti Malaya tercapai, khususnya bagi fungsi e-pembelajaran dan seumpama;
- (12) Menjalankan tugas sebagai Pengurus Risiko untuk ASPD;
- (13) Mewakili Universiti Malaya/ ASPD sebagai ahli Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi bersama Pengarah Eksekutif ASPD;
- (14) Membantu Pengarah Eksekutif ASPD dalam mencapai visi, misi dan objektif serta objektif kualiti ASPD; dan
- (15) Melaksanakan semua arahan dan/ atau tugas tambahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Eksekutif ASPD.

3. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan **perancangan dan pelaksanaan strategi** untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan **Pengarah, Pembelajaran Digital, ASPD** yang diiklankan (dalam format PDF; **maksimum 5 muka surat**). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpanduan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pn. Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 OGOS 2025 (JUMAAT) JAM 5.00 PETANG

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my